

SOALAN LAZIM – MORATORIUM BERIKUTAN PENULARAN WABAK COVID-19 (BAHAGIAN 1)

SOALAN UMUM MORATORIUM AUTOMATIK

NO	SOALAN	JAWAPAN
1	Apa itu moratorium?	Moratorium adalah satu tempoh penangguhan di mana pelanggan tidak perlu untuk membuat bayaran pembiayaan sepanjang tempoh tersebut.
2	Apakah objektif moratorium?	Objektifnya adalah untuk membantu meringankan beban kewangan sementara pelanggan yang terjejas dengan pandemik COVID-19.
3	Bilakah tarikh efektif moratorium dan perlukah pelanggan membuat permohonan?	Moratorium bermula dari 1 April 2020 sehingga 30 September 2020. Pelanggan yang memenuhi kriteria tidak perlu untuk membuat permohonan dan akan menjadi layak menyertai program moratorium secara AUTOMATIK .
4	Siapakah yang layak mendapat moratorium?	Semua pelanggan individu, usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana dan usahawan mikro yang pembiayaannya tidak mempunyai tunggakan bayaran melebihi sembilan puluh (90) hari pada 1 April 2020.
5	Adakah rekod CCRIS saya akan terjejas sekiranya saya memilih untuk menyertai program moratorium ini?	Tidak. Rekod CCRIS pelanggan tidak akan terjejas walaupun tiada bayaran pembiayaan dilakukan sepanjang tempoh moratorium. Program moratorium ini juga tidak akan menjejaskan skor kredit atau keupayaan pelanggan untuk mendapatkan pembiayaan lain pada masa akan datang.
6	Apakah jenis produk pembiayaan yang layak untuk program moratorium ini?	Jenis-jenis kemudahan pembiayaan yang layak adalah: i. Kemudahan Pembiayaan Peribadi; ii. Kemudahan Pembiayaan Berjangka; iii. Kemudahan Pembiayaan Perdagangan; iv. Kemudahan Pembiayaan Modal Kerja-i; v. Kemudahan Pembiayaan Ar-Rahnu.
7	Adakah pelanggan di bawah program AKPK layak mendapat moratorium?	Ya, pelanggan yang tidak mempunyai tunggakan bayaran pembiayaan melebihi sembilan puluh (90) hari pada 1 April 2020 layak untuk mendapat moratorium ini. Para pelanggan dinasihati untuk melayari laman sesawang AKPK di www.akpk.org.my untuk maklumat lanjut.
8	Saya mempunyai lebih daripada satu (1) pembiayaan dengan Bank, adakah semua kemudahan pembiayaan saya layak untuk dipertimbangkan bagi moratorium automatik?	Ya, pelanggan layak sekiranya menepati kriteria-kriteria seperti berikut: i. Semua kemudahan pembiayaan peribadi dan berjangka yang mempunyai tunggakan bayaran pembiayaan tidak melebihi sembilan puluh (90) hari pada 1 April 2020, layak untuk moratorium ini. ii. Bagi kemudahan pembiayaan perdagangan (<i>trade financing facility</i>) atau modal kerja, kelayakan diambil kira bagi keseluruhan pakej atau tier pelanggan yang menepati syarat kelayakan. Sebagai contoh: Pelanggan mempunyai kemudahan pembiayaan seperti berikut: i. MUS1M-i dengan tempoh tunggakan bayaran selama 30 hari; ii. Projek Tawarruq dengan tempoh tunggakan bayaran selama 50 hari;

		<p>iii. Kemudahan pembiayaan modal kerja dengan 4 bil yang akan matang dalam tempoh 30 hari dan 1 bil dengan tunggakan bayaran selama 100 hari;</p> <p>iv. Kemudahan pembiayaan perdagangan (trade financing facility) dengan 2 pakej berasingan; Pakej 1 mempunyai 2 bil yang akan matang dalam tempoh 30 hari; Pakej 2 mempunyai 1 bil dengan tempoh tunggakan bayaran selama 100 hari;</p> <p>Untuk situasi di atas, pelanggan hanya layak mendapat moratorium automatik untuk kemudahan pembiayaan di bawah perenggan 1 dan 2 dan tidak layak untuk kemudahan pembiayaan di bawah perenggan 3 dan 4.</p>
9	Adakah moratorium automatik ini layak untuk pembiayaan yang baru dibuat pengeluaran selepas 1 April 2020?	<p>Tidak. Pelanggan yang menerima pembiayaan selepas 1 April 2020 adalah tidak layak untuk menyertai program moratorium ini secara automatik.</p> <p>Walau bagaimanapun, pelanggan tersebut layak untuk membuat permohonan untuk menyertai program moratorium ini, tertakluk kepada penilaian dan kelulusan Bank.</p>
10	Akaun pembiayaan saya pernah dijadual dan distruktur (program R&R) semula dengan tempoh moratorium. Adakah saya layak menyertai program moratorium ini?	Ya, pelanggan dengan pembiayaan di bawah program R&R layak menyertai program ini dengan syarat akaun yang telah dijadual dan distruktur semula tidak mempunyai tunggakan bayaran pembiayaan melebihi sembilan puluh (90) hari pada 1 April 2020.
11	Saya mempunyai satu (1) bulan bayaran tunggakan pada 1 April 2020. Bagaimana dengan tunggakan ini sepanjang tempoh program moratorium?	<p>Sepanjang program moratorium ini, jumlah tunggakan pelanggan tidak akan berubah sehingga 30 September 2020 dan tiada ta'widh (caj lewat bayar) akan dikenakan. Bermula 1 Oktober 2020, pihak Bank adalah berhak untuk menuntut keseluruhan jumlah tunggakan tersebut.</p> <p>Namun begitu, pelanggan adalah digalakkan untuk membuat bayaran secara ansuran tunggakan tersebut sepanjang tempoh moratorium bagi mengurangkan bebanan bayaran yang perlu dibuat pada 1 Oktober 2020 nanti.</p>
SOALAN LAZIM BERKAITAN TIDAK BERSETUJU MENYERTAI MORATORIUM AUTOMATIK		
12	Bolehkah saya tidak bersetuju dengan tawaran moratorium automatik?	<p>Boleh. Pelanggan dikehendaki untuk memaklumkan kepada pihak Bank melalui pautan www.agrobank.com.my/no-mora atau e-mel kepada customer@agrobank.com.my bagi penolakan moratorium automatik dan meneruskan membuat bayaran bulanan pembiayaan seperti biasa.</p> <p>Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan program moratorium ini, pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1 300 88 2476 (tempatan) atau +603 2709 0600 (luar negara) yang beroperasi 24 jam.</p>
13	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya saya ingin menarik diri semasa tempoh moratorium berjalan?	<p>i. Pelanggan perlu menghubungi pihak Bank sekiranya ingin menarik diri pada bila-bila masa sepanjang tempoh moratorium.</p> <p>ii. Bagi kemudahan pembiayaan berjangka, pelanggan perlu meneruskan pembayaran ansuran bulanan seperti biasa.</p> <p>iii. Bagi kemudahan pembiayaan perdagangan (trade financing facility)/ modal kerja, pembayaran perlu dijelaskan mengikut tarikh matang yang telah ditetapkan.</p> <p>iv. Bagi pelanggan yang menarik diri, <i>Ta'widh</i> akan dikenakan ke atas mana-mana jumlah yang tertunggak bagi akaun pembiayaannya sepertimana suratcara perjanjian asal disempurnakan oleh Pelanggan dan Bank.</p>

v. Pelanggan perlu memaklumkan kepada pihak Bank untuk pengaktifan arahan tetap atau arahan auto debit.

Sila hubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1 300 88 2476 (tempatan) atau +603 2709 0600 (luar negara) yang beroperasi 24 jam.

SOALAN LAZIM BERKAITAN KEUNTUNGAN & TEMPOH MATANG PEMBIAYAAN

14 Adakah pelanggan akan dikenakan caj keuntungan tambahan sepanjang tempoh moratorium?

Tiada caj keuntungan tambahan akan dikenakan kepada pelanggan dan setiap kemudahan pembiayaan pelanggan adalah terhad setakat harga jualan yang telah dipersetujui sepertimana suratcara perjanjian asal pelanggan dengan Bank.

Pelanggan yang mempunyai kemudahan pembiayaan dengan kadar terapung, caj keuntungan akan diakrukan secara bulanan selama enam (6) bulan sepanjang tempoh moratorium ke atas baki pokok berdasarkan kadar keuntungan yang sama* yang telah dipersetujui. Walaubagaimanapun, berdasarkan prinsip shariah, keuntungan tidak dikompaunkan.

Pelanggan juga tidak dikenakan ta'widh sepanjang tempoh moratorium ini. Namun bagi pelanggan yang mempunyai ta'widh tertunggak pada 1 April 2020, digalakkan untuk membuat bayaran dalam tempoh moratorium ini.

Kepada pelanggan yang layak dan menarik diri dari program moratorium, ta'widh akan dikenakan ke atas mana-mana amaun yang tertunggak bagi akaun pelanggan bermula dari 1 April 2020 sepertimana yang dijelaskan dalam soalan 13.

**tertakluk kepada perubahan Kadar Asas (KA) dan Kadar Asas Berian Pembiayaan (KABP) semasa yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)*

15 Adakah ansuran pembiayaan saya akan berubah sekiranya saya menyertai program ini?

Pembiayaan dengan kadar tetap (fixed rate), contoh bayaran ansuran bulanan seperti dibawah:

Sebelum Moratorium		Selepas Moratorium	
Ansuran Bulanan	Tarikh Matang	Ansuran Bulanan	Tarikh Matang
RM500.00	31/12/2021	RM500.00	30/06/2022

Pembiayaan dengan kadar terapung (floating rate), contoh bayaran ansuran bulanan seperti dibawah:

Sebelum Moratorium		Selepas Moratorium	
Ansuran Bulanan	Tarikh Matang	Ansuran Bulanan	Tarikh Matang
RM500.00	31/12/2021	RM500.00*	30/06/2022

** tertakluk kepada perubahan KA dan KABP semasa yang ditetapkan oleh BNM*

Bagi pembiayaan dengan kadar terapung, bayaran ansuran terakhir pelanggan adalah tertakluk kepada jumlah amaun berbaki pada tarikh matang baru kemudahan pembiayaan pelanggan dan berkemungkinan lebih tinggi dari jumlah ansuran biasa kesan dari program moratorium.

Liabiliti dan obligasi pelanggan adalah sama berdasarkan terma yang terdapat di dalam perjanjian pembiayaan yang telah ditandatangani oleh pelanggan sebelum ini.

16	Bagaimanakah tempoh matang pembiayaan akan dilanjutkan?	<p>Tempoh matang pembiayaan akan dilanjutkan enam (6) bulan dari tarikh matang asal pembiayaan.</p> <p>Contohnya:</p> <table border="1" data-bbox="624 322 1485 405"> <tr> <td>Tarikh Matang Asal</td> <td>30 Jun 2025</td> </tr> <tr> <td>Tarikh Matang Baru</td> <td>31 Disember 2025</td> </tr> </table>	Tarikh Matang Asal	30 Jun 2025	Tarikh Matang Baru	31 Disember 2025
Tarikh Matang Asal	30 Jun 2025					
Tarikh Matang Baru	31 Disember 2025					
17	Bolehkah tempoh moratorium dilanjutkan?	<p>Tempoh moratorium adalah terhad selama enam (6) bulan sahaja bermula 1 April 2020 sehingga 30 September 2020.</p> <p>Walau bagaimanapun, pertimbangan bagi penjadualan atau penstrukturan semula boleh dilakukan sekiranya pelanggan menghadapi kesukaran selepas tamat tempoh moratorium.</p>				

SOALAN LAZIM BERKAITAN PEMBAYARAN

18	Adakah pelanggan yang mempunyai pembayaran pembiayaan melalui potongan dari akaun simpanan atau dari cek lewat tarikh layak mendapat moratorium?	<p>Bagi pelanggan yang menepati kriteria adalah layak untuk mendapat moratorium ini di mana potongan melalui akaun simpanan atau bayaran melalui cek lewat tarikh akan dihentikan secara automatik dalam tempoh moratorium ini.</p> <p>Pembayaran akan disambung semula bermula 1 Oktober 2020.</p>
19	Bayaran pembiayaan saya adalah melalui arahan tetap dari Bank lain. Adakah pembayaran saya akan dihentikan?	Pelanggan perlu menghubungi bank yang berkaitan untuk memberhentikan arahan tetap atau arahan auto debit tersebut.
20	Sekiranya saya layak untuk menyertai program ini, tetapi saya telah meneruskan bayaran seperti biasa. Bagaimana dengan bayaran yang telah dibuat?	Setiap bayaran yang diterima akan diletakkan di bawah "bayaran pendahuluan (advance payment)". Ini bermakna, baki pembiayaan tidak dikemaskini dalam tempoh moratorium dan hanya dikemaskini pada 1 Oktober 2020.

SOALAN LAZIM BERKAITAN PERKHIDMATAN BIRO ANGKASA

21	Bayaran bulanan saya adalah melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA). Apakah tindakan yang perlu saya lakukan?	<p>Langkah-langkah berikut perlu diambil maklum oleh pelanggan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan layak secara AUTOMATIK untuk program ini sekiranya tiada tunggakan bayaran pembiayaan bagi tempoh melebihi 90 hari pada 1 April 2020. • Pelanggan tidak perlu memaklumkan kepada BPA dan semua pemotongan akan diberhentikan untuk gaji mulai bulan April 2020. • Kepada pelanggan yang MENOLAK untuk menyertai program ini anda perlulah membuat bayaran kepada pihak Bank pada April 2020 sama ada: <ol style="list-style-type: none"> i. Secara atas talian AGRONET (cara ini adalah digalakkan agar tidak perlu keluar rumah sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)); ii. Pembayaran melalui mesin deposit tunai; iii. Pembayaran di kaunter cawangan Bank yang terdekat (cara ini adalah tidak digalakkan dan pelanggan boleh menyemak cawangan-cawangan yang ditutup sementara sepanjang tempoh PKP melalui laman sesawang Bank di www.agrobank.com.my.)
----	---	---

		<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan yang menolak program ini sebelum 10 April 2020, pemotongan dari pihak BPA akan bermula pada bulan Mei 2020. • Kepada pelanggan yang menarik diri selepas 10 April 2020, pemotongan dari pihak BPA akan bermula dari bulan Jun 2020 dan seterusnya.
22	Setelah membuat permohonan menarik diri, adakah saya boleh membuat permohonan baru untuk menyertai program moratorium ini semula ?	Pihak Bank akan membuat semakan ke atas permohonan tersebut tetapi sekiranya permohonan menarik diri telah dihantar ke pihak BPA, ia tidak boleh ditarik balik. Pembayaran perlu diteruskan seperti biasa (rujuk soalan 21 berkaitan cara pembayaran).
23	Saya adalah kakitangan kerajaan yang akan pencen dalam masa 6 tahun lagi. Adakah tempoh pembiayaan saya akan dilanjutkan sekiranya saya menyertai program ini?	Bagi potongan gaji bulanan, tempoh pembiayaan pelanggan tidak akan dilanjutkan. Untuk program ini, pembiayaan anda akan dijadual dan/atau distruktur semula pada 1 Oktober 2020 yang mana mungkin memberi kesan ke atas kemudahan pembiayaan pelanggan iaitu peningkatan ansuran bulanan.

SOALAN LAZIM BERKAITAN KEMUDAHAN PERDAGANGAN (TRADE FINANCING FACILITY) DAN MODAL KERJA

24	Adakah semua kemudahan pembiayaan saya layak untuk program moratorium ini?	<p>Kelayakan pelanggan adalah tertakluk kepada kemudahan yang mempunyai baki pembiayaan pada 1 April 2020 sama ada belum matang atau telah matang dengan tempoh tunggakan tidak melebihi sembilan puluh (90) hari.</p> <p>Sekiranya pelanggan mempunyai dua (2) kemudahan Pembiayaan Perdagangan (trade facilities) atau modal kerja dan salah satu bil mempunyai tunggakan melebihi Sembilan puluh (90) hari, secara automatik keseluruhan kemudahan pelanggan tidak layak untuk menyertai program ini.</p> <p>Contohnya:</p> <p>Syarikat ABC mempunyai dua (2) kemudahan Pembiayaan Perdagangan dengan jumlah kelulusan bernilai RM500,000.00 ("Pembiayaan 1") dan RM1,000,000.00 ("Pembiayaan 2").</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr style="background-color: #333; color: white;"> <th>Situasi bil pada 1 April 2020</th> <th>Pembiayaan 1</th> <th>Pembiayaan 2</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bilangan bil tertunggakan kurang 90 hari</td> <td>5 bil</td> <td>3 bil</td> </tr> <tr> <td>Bilangan bil tertunggakan lebih 90 hari</td> <td>Tiada</td> <td>1 bil</td> </tr> </tbody> </table> <p>Dari ilustrasi diatas, Syarikat ABC secara automatik tidak layak untuk program moratorium.</p>	Situasi bil pada 1 April 2020	Pembiayaan 1	Pembiayaan 2	Bilangan bil tertunggakan kurang 90 hari	5 bil	3 bil	Bilangan bil tertunggakan lebih 90 hari	Tiada	1 bil
Situasi bil pada 1 April 2020	Pembiayaan 1	Pembiayaan 2									
Bilangan bil tertunggakan kurang 90 hari	5 bil	3 bil									
Bilangan bil tertunggakan lebih 90 hari	Tiada	1 bil									
25	Adakah saya masih boleh melakukan pengeluaran baru dana dalam tempoh moratorium?	<p>Ya, pelanggan dibenarkan melakukan pengeluaran baru dalam tempoh moratorium dengan syarat kemudahan pembiayaan masih mempunyai baki untuk pengeluaran tersebut.</p> <p>Namun begitu, terma dan syarat tarikh matang pengeluaran baru ini adalah berdasarkan kepada perjanjian asal dan tidak terlibat dengan program moratorium.</p>									

26	Salah satu dari bil saya akan matang dalam tempoh moratorium. Adakah saya perlu membuat bayaran?	<p>Bagi bil yang mempunyai baki pada 1 April 2020 di mana tarikh matang adalah dalam tempoh moratorium, tarikh matang pelanggan akan dilanjutkan sehingga 1 Oktober 2020.</p> <p>Sepanjang tempoh penangguhan tersebut, tiada caj keuntungan tambahan dikenakan terhadap bil yang matang dalam tempoh moratorium tersebut.</p> <p>Sekiranya pelanggan tidak dapat untuk membuat bayaran pada 1 Oktober 2020, pelanggan boleh memohon untuk penstrukturan semula bil yang tertunggak. Penjelasan di soalan 27.</p>
27	Bagaimana sekiranya saya tidak dapat menjelaskan bil-bil tertunggak dalam tempoh moratorium?	Sekiranya pelanggan tidak mampu menjelaskan bil tertunggak dalam tempoh moratorium atau pada 1 Oktober 2020, pelanggan boleh memohon untuk penstrukturan semula kemudahan kepada Pembiayaan Berjangka Sementara.
28	Apakah Pembiayaan Berjangka Sementara?	<p>Pembiayaan Berjangka Sementara merupakan pembiayaan yang ditawarkan oleh Bank kepada pelanggan yang mempunyai masalah untuk menyelesaikan bil-bil tertunggak yang layak dalam program moratorium dan membenarkan pelanggan melunaskan bil-bil tersebut melalui pembayaran secara ansuran bulanan selama tiga puluh enam (36) bulan termasuk enam (6) bulan tempoh penangguhan bermula 1 April 2020.</p> <p>Pembiayaan ini merupakan sub-had (sub-limit) kepada kemudahan Pembiayaan Perdagangan (trade facilities) atau modal kerja yang asal dengan kadar keuntungan berdasarkan Surat Tawaran baharu selepas dijadual dan distruktur semula.</p>

SOALAN LAZIM BERKAITAN AKAD DAN PENYEMPURNAAN SURATCARA PERJANJIAN

29	Adakah saya perlu menyempurnakan perjanjian pembiayaan dan melakukan akad baru untuk program moratorium ini?	<p>Pelanggan tidak perlu menyempurnakan perjanjian pembiayaan dan melaksanakan aqad baru kerana program moratorium ini tidak mengubah harga jualan asal pembiayaan pelanggan sepertimana dinyatakan di dalam perjanjian pembiayaan antara pelanggan dan pihak Bank.</p> <p>Suratcara tambahan dan pelaksanaan akad baru hanya perlu dilakukan sekiranya harga jualan asal terjejas dan persetujuan secara jelas (explicit consent) akan diperolehi terlebih dahulu daripada pelanggan sebelum aqad baru tersebut dilaksanakan.</p>
30	Adakah saya akan menerima sebarang notis sekiranya saya menyertai program moratorium ini?	Ya, sekiranya pelanggan layak di bawah program ini dan tidak menarik diri dari menyertai program ini, pelanggan akan menerima notis pemberitahuan dari pihak Bank berkaitan dengan terma-terma dan syarat-syarat baharu berkaitan pembiayaan pelanggan.

22 Mei 2020